

Hari Keluarga dan Anugerah Aprisiasi SMK Pantai IB World School Meriah



Labuan, 6 Nov – Kelab Guru dan Staf Sokongan SMK Pantai iB World School, W.P Labuan telah mengadakan Hari Keluarga dan Anugerah Aprisiasi di sebuah hotel terkenal (Palm Beach Resort and SPA) di Pulau ini pada 4 November 2017. Kehadiran guru dan staf sokongan bersama-sama keluarga masing-masing memeriahkan lagi majlis yang berlangsung. Turut hadir ialah Sahar Mison, Pengetua SMK Pantai iB World School, bersama-sama isteri beliau Samsiah Taib.

Pelbagai acara menarik turut diadakan termasuk acara mewarna untuk kategori kanak-kanak, dan acara mencari gula-gula dalam tepung. Pelbagai acara sukaneka lain

diadakan termasuk acara Menendang Bola dengan Mata Bertutup, acara Larian Cinta Sayang, juga acara Bola Tampar Pantai yang disertai oleh 4 pasukan terdiri daripada kalangan guru dan staf sokongan.



Encik Sahar menyampaikan hadiah kepada anak-anak warga SMK Pantai IBWS

Guru dan staf sokongan juga berrpeluang menunjukkan bakat dalam persembahan Nyanyian Karaoke. Acara Cabutan Bertuah turut diadakan dengan hadiah sumbangan pelbagai organisasi termasuk PIBG dan individu.

Sesungguhnya Program tersebut dapat menjalin hubungan akrab dan mesra sesama warga sekolah. Secara tidak langsung akan meningkatkan produktiviti kerja selain meredakan tekanan ketja di sekolah. Dalam majlis ini Pengetua sekolah juga menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Guru/Staf Sokongan Tanpa Cuti Sakit dan guru/staf sokongan Tanpa Cuti Rehat Khas. Begitu juga pilihan murid untuk kategori Guru Paling Ceria, Guru Paling Prihatin,

Guru Paling Garang, Guru Paling Lucu, Guru Paling Populer dan banyak lagi.



Sumber Berita : SMK Pantai IBWS